

CNS1348

U GB 25-08 00147 BA177

aab

MALAYSIA TETAP AKAN HADIRI SIDANG NAM, KATA MAHATHIR

Mahathir - NAM

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan tetap menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Jakarta minggu depan walaupun ia tidak bersetuju dengan kehadiran Yugoslavia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, Malaysia akan mematuhi keputusan majoriti berhubung dengan soal kehadiran Yugoslavia pada persidangan itu walaupun ia tidak mengiktiraf negara berkenaan.

+Kita masih mengkaji sama ada ingin mengesyorkan kepada persidangan itu supaya menolak kehadiran Yugoslavia, + katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Indonesia dilaporkan telah mengundang Yugoslavia menghadiri sidang kemuncak ke-10 NAM itu.

Dua minggu lepas, Malaysia memutuskan hubungannya dengan Yugoslavia sebagai bantahan terhadap keganasan kaum Serb yang disokong oleh kerajaan Belgrade terhadap rakyat Bosnia-Herzegovina. -- Lagi.

▼25/08/17-56MST

U GB 25-08 00146 BA180

aab

Mahathir - NAM 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak bersetuju dengan kehadiran Yugoslavia kerana menganggap negara itu tidak wujud lagi dan kini yang ada cuma Serbia.

Katanya, kehadiran Yugoslavia pada persidangan itu boleh ditolak kerana perkara yang sama pernah berlaku pada sidang kemuncak NAM di Havana, Cuba pada 1979 apabila Kemboja tidak dibenarkan menghadiri persidangan itu ekoran kesukaran menentukan pihak yang layak mewakilinya.

Ketika menguhurai kenyataan beliau semalam supaya pengguna Selat Melaka turut membiayai kos penyenggaraan selat itu, Dr Mahathir berkata Indonesia, Singapura dan Malaysia harus berunding untuk mengadakan pendekatan yang seragam berhubung dengan perkara itu.

Semalam, beliau berkata tidak adil untuk mengharapkan Malaysia menyenggara selat itu tanpa bantuan kewangan daripada negara-negara atau syarikat-syarikat perkapalan yang menggunakannya.

Lebih daripada 200 buah kapal melalui selat itu setiap hari. -- Bernama.